

31 AUG 2003

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN PERIBADI

LANGKAWI, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggunakan kesempatan cuti Hari Kebangsaan hari ini untuk melakukan lawatan peribadi dua hari ke Langkawi.

Sejurus tiba dengan pesawat khas dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di Padang Mat Sirat pada pukul 5 petang, Dr Mahathir yang memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda, terus meninjau kemajuan projek pembangunan Langkawi Harbour Park di Pantai Kok, di sini.

Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira 45 minit meninjau projek berkenaan sambil diberi taklimat oleh perunding projek itu Datuk Azhar Mansor.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib serta pegawai kerajaan negeri turut mengiringi lawatan Dr Mahathir itu.

Langkawi Harbour Park dilengkapi kompleks komersial, kemudahan penginapan hotel bertaraf tiga bintang serta apartmen dan mempunyai kemudahan marina yang boleh menempatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Projek pembangunan di kawasan seluas 12 hektar itu menelan belanja RM40 juta.

Selepas meninjau projek itu, Dr Mahathir kemudiannya meneruskan perjalanan ke tempat penginapannya di Tok Senik Resort.

Perdana Menteri dijadual pulang ke Kuala Lumpur petang esok.

-- BERNAMA

MZM LAT